



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 27/2009**

**Mengambil Milik (*Taking Possession*) Seksyen 18 dan
Mengambil Milik Secara Rasmi (*Taking Formal Possession*)
Seksyen 22, Akta Pengambilan Tanah 1960**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 27/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 27/2009

**Mengambil Milik (*Taking Possession*) Seksyen 18 dan Mengambil Milik Secara Rasmi
(*Taking Formal Possession*) Seksyen 22, Akta Pengambilan Tanah 1960**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah bila mengambil milik tanah (*taking possession of land*) menurut seksyen 18, Akta Pengambilan Tanah 1960 (selepas ini disebut sebagai "APT") boleh dibuat dan cara melaksanakannya. Pengeluaran Borang K disebut dalam APT sebagai mengambil milik/*taking possession* (seksyen 18) dan penyampaian Borang K kepada penduduk/penampalan Borang K di atas tanah dipanggil sebagai mengambil milik secara rasmi/*taking formal possession* (subseksyen 22(1)).

2. APT tidak menetapkan tempoh masa pengeluaran Borang K oleh Pentadbir Tanah. Namun demikian seksyen 18 APT, memperuntukkan supaya boleh dikeluarkan dalam dua keadaan berikut:-

- 2.1 mengambil milik mana-mana tanah dengan mengeluarkan Borang K pada waktu penyampaian Notis Borang H kepada penduduk tanah di bawah subseksyen 16(1) atau pada suatu masa selepas itu; atau
 - 2.2 mengambil milik dengan mengeluarkan Borang K bagi mana-mana tanah yang dinyatakan dalam Sijil Perakuan Segera (Borang I) sama ada telah dibuat award atau belum (pengambilan milik dengan mengeluarkan Borang K bagi tanah yang ada bangunan hendaklah dibuat mengikut seksyen 20).
3. Mengambil milik dengan mengeluarkan Borang K tidak boleh dibuat selagi penyampaian Notis Borang H kepada penduduk tanah di bawah seksyen 16(1) tidak dilakukan atau tidak menerima arahan daripada Pengarah Negeri melalui Borang I. Bagi tanah yang ada bangunan, Borang K boleh dikeluarkan setelah peruntukan di bawah seksyen 20 dipenuhi.
4. Bagi proses pengambilan yang dibuat secara biasa, (bukan melalui Sijil Perakuan Segera), tarikh Borang K hendaklah sama dengan tarikh penyampaian Borang H kepada orang menduduki tanah atau tarikh terkemudian daripadanya. Pada kelazimannya, tarikh Borang K ialah satu tarikh selepas pembayaran dibuat. Tujuannya untuk mengelak daripada caj bayaran lewat.
5. Mengambil milik dengan mengeluarkan Borang K, orang atau perbadanan yang bagi pihaknya tanah itu diambil masih tidak boleh memasuki tanah yang dikatakan telah diambil milik itu. Mengambil milik melalui kuat kuasa seksyen 18(a) atau (b) tidak memadai untuk membolehkan orang atau perbadanan memasuki tanah kerana tanah itu masih merupakan tanah milik dan kepunyaan tuan punya tanah. Memasuki secara fizikal boleh dianggap sebagai satu pencerobohan.
6. Borang K yang telah dikeluarkan hendaklah diserahkan kepada penduduk/orang yang mendiami di atas tanah atau jika penduduk tidak dapat ditemui, dengan menampalkan Borang K di atas tanah itu (subseksyen 22(1)) mengambil milik secara rasmi (*take formal possession*) terlaksana dan memberi kesan seperti berikut:-
- 6.1. pihak berkuasa yang mengambil tanah itu berhak kepada hasil keluaran;

- 6.2. pihak berkuasa yang mengambil tanah itu berhak untuk menduduki dan menggunakan sebagaimana maksud pengambilan itu dibuat atau lain-lain maksud berlainan daripada maksud asal pengambilan;
 - 6.3. penarikan balik pengambilan mengikut subseksyen 35(1) APT 1960 tidak boleh dibuat;
 - 6.4. bermulanya tarikh genap masa (*due date*);
 - 6.5. jika tanah itu diambil untuk kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri tidak boleh mengeluarkan apa-apa permit seperti Permit mengeluarkan Bahan Batuan atau lesen seperti Lesen Menduduki Sementara.
7. Justeru mengambil milik secara rasmi (*take formal possession*) adalah terlaksana mulai dari tarikh atau setelah Borang K itu dibuat memorial atau endorsan di dalam dokumen hakmilik daftar adalah tidak tepat; atau mengandaikan bahawa tindakan mengambil milik secara rasmi (*take formal possession*) terlaksana hanya dengan menyampaikan notis Borang K kepada tuan tanah atau pemilik berdaftar adalah salah. Mengambil milik secara rasmi (*take formal possession*) tidak memerlukan Pentadbir Tanah pergi ke atas tanah dan mengisyiharkan bahawa tanah tersebut telah diambil milik secara rasmi (*take formal possession*).
8. Borang K yang telah dikeluarkan hendaklah juga diserahkan kepada pihak berkuasa pendaftaran (seksyen 22(b)) yang berkenaan. Pihak berkuasa pendaftaran berkenaan apabila menerima notis Borang K, atau Pentadbir Tanah setelah melengkapkan Borang K, hendaklah membuat memorial atau endorsan dalam dokumen hak milik daftar atau lain-lain rekod yang sesuai menyatakan bahawa sama ada kesemua tanah itu atau sebahagian daripada tanah itu telah diambil dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri. Memorial atau endorsan ini adalah sangat mustahak kerana selagi ianya belum dibuat, tanah itu masih dimiliki oleh tuan punya. Antara bentuk ayat endorsan adalah seperti berikut:-

"Mengambil milik secara rasmi Jilid No. Folio No. Kesemua tanah ini telah diambil balik dan terletakhak pada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan bebas daripada bebanan seperti yang dimaksudkan oleh seksyen 66 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada hb. 20....."

Tarikh:

.....
Pendaftar/Pentadbir Tanah"

ATAU

"Mengambil milik secara rasmi Jilid No. Folio No. Seluas daripada tanah ini telah diambil balik dan terletakhak pada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan bebas daripada bebanan seperti yang dimaksudkan oleh seksyen 66 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada hb. 20....."

Tarikh:

.....
Pendaftar/Pentadbir Tanah"

9. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan. Dengan kuat kuasa pekeliling ini, maka Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 32/1977 dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009